

# PERHIMPUNAN PENYAMPAIAN PERUTUSAN PANGLIAMA ANGKATAN TENTERA SEMPENA HARI ATM KE-84 PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2470-perhimpunan-penyampaian-perutusan-panglima-angkatan-tentera-sempena-hari-atm-ke-84-pangkalan-udara-butterworth](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2470-perhimpunan-penyampaian-perutusan-panglima-angkatan-tentera-sempena-hari-atm-ke-84-pangkalan-udara-butterworth)

BUTTERWORTH, 25 Sep 17 – Pangkalan Udara Butterworth telah mengadakan Perhimpunan Bulanan Komander Pangkalan bagi menyampaikan Perutusan Khas Panglima Angkatan Tentera sempena Hari Angkatan Tentera Malaysia Ke-84 di Dewan Setia PU Butterworth.

Perhimpunan yang diketuai oleh Mej Mohd Khairul Azwan bin Ismail TUDM telah dihadiri oleh Pegawai dan Anggota Lain-Lain Pangkat daripada Unit-Unit Lodger, Skuadron-Skuadron dan Cawang seramai 350 orang.

Perutusan Khas Panglima Angkatan Tentera telah disampaikan oleh YBhg Kol Amer Mahmud bin Abdul Rahman TUDM, merangkap Pemangku Komander Pangkalan telah menarik perhatian semua untuk terus menabur bakti dan menentukan ATM Perkasa, Kedaulatan Terpelihara.

